

Aplikasi Motif Batik Sarung Dalam Penghasilan Rekacorak Jubin

Junaidi Awang

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
junaidi042@kelantan.uitm.edu.my

Mazni Omar

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
mazni867@kelantan.uitm.edu.my

Nani Hartina Ahmad

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
nanihartina@kelantan.uitm.edu.my

Rohaizan Mohd Nasir

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
rohaizan@kelantan.uitm.edu.my

Siti Fairuz Md Hashim

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
sitifairuz@kelantan.uitm.edu.my

ABSTRAK

Jubin merupakan salah satu hasil daripada seni seramik. Rekaan jubin pada masa kini terdiri daripada rekaan jubin yang bercorak yang dihasilkan dalam pelbagai warna, rupa dan bentuk. Jubin juga berfungsi sebagai penghias dinding dan lantai di ruang hiasan dalaman rumah dan bangunan. Kebanyakan rekacorak jubin terkini adalah bermotifkan flora, geometrik, abstrak dan bertekstura dengan pelbagai rupa. Satu revolusi baru diperlukan untuk melihat jubin dalam perspektif yang lain dimana penggunaan motif batik sarung telah diaplikasikan dalam rekaan jubin bagi memberi nafas baru dalam penghasilan jubin untuk hiasan dinding rumah mahupun bangunan. Penggunaan jubin boleh dipelbagaikan pada hiasan dinding dengan olahan dari segi reka corak dan fungsinya. Dalam hal ini, keunikan motif

batik sarung dilihat berpotensi untuk diaplikasikan dalam penghasilan rekacorak jubin untuk masa kini.

Kata kunci: Motif, batik sarung, rekacorak, jubin


PENGENALAN

Hiasan jubin pada masa kini kebanyakan dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan saiz mengikut citarasa pengguna dan pasaran. Jubin memainkan peranan dalam pelbagai seni reka dalaman seperti kemasan dinding dan permukaan lantai. Kebanyakan medium jenis ini diguna pakai oleh unit-unit perniagaan termasuklah restoran dan pejabat. Ianya lebih mudah dibersihkan dan mudah untuk dijaga.

Terdapat pelbagai jenis permukaan dan warna serta corak jubin yang boleh didapati di pasaran. Walaubagaimanapun, ketiga-tiga aspek tadi perlu dititik beratkan supaya kemasan dinding bersesuaian dengan konsep dan tema dekorasi. Mengikut sejarah, seni rekaan jubin yang tertua mula dihasilkan adalah batu jubin yang meliputi lantai di rumah firaun Mesir, di istana dan Negara Villas bangsawan Rom pada zaman dahulu. Pada peringkat awal ia menggunakan batu laut putih dan kemudian wujud ciptaan Vince Glassblowers yang mana ia berbentuk kaca teknologi lukisan yang telah menggunakan kepingan yang berwarna-warni. Jubin ini turut juga turut diperbuat daripada marmar granit atau lain-lain jenis batu seramik. Jubin seramik untuk hiasan dalaman bagi kediaman ia bersifat tahan lama, tahan dengan air dan mesra alam.

Melihat pada hari ini, seni reka jubin kini merupakan satu trend yang semakin diminati. Boleh dikatakan setiap rumah pasti menggunakan jubin meskipun hanya terhad di dinding dan lantai bilik air. Bagi individu yang bijak menyesuaikan dan memadankan kombinasi warna jubin, padanan itu secara tidak langsung mampu membangkitkan seri sesebuah kediaman sehingga menjadikannya kelihatan eksklusif dan menawan. Pemilihan jenis jubin, warna dan corak amat penting. Ia mempengaruhi dekorasi dalaman atau hiasan sesebuah rumah. Kini terdapat pelbagai jenis jubin yang direka dan dicipta semata-mata untuk memenuhi keperluan setiap pengguna yang mempunyai cita rasa tersendiri.

Apabila melihat rekaan jubin pada hari ini di pasaran, penyelidik telah membuat sesuatu aplikasi baru dalam penghasilan jubin di mana ia telah menerapkan elemen seni corak batik atau motif batik dalam rekaan jubin. Penyelidik merasakan demi untuk memartabatkan lagi seni batik yang sedia ada ini, mengapa tidak kita mencuba sesuatu yang baru untuk kita aplikasikan dalam rekaan jubin supaya motif batik ini dapat dijiwai oleh setiap peminat seni.



Gambar 1: Salah satu contoh jubin yang berada di pasaran

PENEMUAN BARU DALAM SENI JUBIN YANG BERMOTIFKAN SENI BATIK

Berbicara mengenai batik, umumnya orang ramai sudah maklum bahawa batik antara warisan seni Melayu yang unggul serta dikagumi sehingga ke hari ini. Di Malaysia, penghasilan batik seharusnya dihayati signifikannya. Di mana sokongan dan penghargaan dari pelbagai pihak sewajarnya wujud secara spontan di kalangan masyarakat tempatan. Batik merupakan salah satu daripada teknik-teknik resis yang mana lilin dijadikan sebagai bahan penyekat daripada kemasukan pewarna di atas permukaan kain. Kini penggunaan kain batik sarung bertambah meluas, meliputi hampir semua bidang. Selain menjadi bahan pakaian basahan atau pakaian harian ia juga turut dipakai ke majlis dan sebagainya.

Setelah meneliti beberapa aspek, penyelidik telah mengambil pendekatan untuk membuat beberapa eksperimen dalam membuat rekaan corak batik dalam penghasilan rekaan jubin. Di antara objektif nya adalah:

- a) Mewujudkan satu rekaan baru dalam penghasilan jubin dengan bermotifkan seni batik.
- b) Memartabatkan lagi seni batik dalam apa jua keadaan supaya ia kekal dan tidak lapuk dek hujan.
- c) Mewujudkan perasaan cinta terhadap hasil seni batik pada rekaan jubin untuk perhiasaan dalam.

Memandangkan sifat-sifat jubin amat sensitif dan mudah pecah, maka beberapa eksperimen telah dilakukan. Dalam hal ini, penyelidik telah mengambil beberapa kategori rekaan dalam seni batik bagi menampakan ia sesuai dengan rekaan jubin.

KLASIFIKASI REKAAN

A. Batik Sarung

Reka bentuk Batik diambil kira dari sudut untuk mengketengahkan dan memperkenalkan semula warisan Melayu dari dulu sehingga kini. Ia bertujuan agar masyarakat pada masa kini tidak melupakan hasil peninggalan warisan seni yang semakin dipinggirkan. Salah satu hasil warisan seni ialah Batik Sarong. Batik sarong mempunyai nilai estetika yang tinggi dalam masyarakat Melayu iaitu dari segi pengunaannya, motif corak mahupun simbolik yang ada pada batik sarong.

Secara umumnya batik telah wujud sejak sekian lama di Mesir dan Parsi, kemudiannya ia telah digunakan di Jepun dan China pada abad ke-7. Pada abad ke-15 batik turut diperkenalkan di Kepulauan Tanah Melayu. Batik sarong merupakan produk kraf yang dihasilkan melalui proses menerap lilin dan mencelup kain. Ia terkenal di Indonesia, Singapura, Brunei dan Malaysia. Manakala di negeri Terengganu dan Kelantan pula adalah antara yang popular dengan penghasilan batik.

Batik dipecahkan kepada beberapa bahagian yang mempunyai motif dan fungsi yang berlainan iaitu Badan Kain, Kepala Kain dan Kaki Kain. Motif-motif ini akan diambil sebagai reka bentuk pada permukaan jubin bagi mengekalkan keaslian motif batik sarong.




Gambar 2 : Batik Sarung (sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu)



B. Jubin Seramik



Industri seramik bermula pada tahun 1820-an iaitu sepanjang aktiviti perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Pelombong dari China telah membawa masuk kepakaran dalam menghasilkan produk seramik seperti pasu, batu bata, paip dan sebagainya. Pada tahun 1960-an industri seramik moden mula diperhebatkan dengan memperkenalkan teknologi baru. Syarikat kerajaan mula melibatkan diri dalam penghasilan seperti jubin, mozek, jubin dinding, sinki dan sebagainya.

Dalam pasaran, jubin secara khususnya adalah semata-mata untuk hiasan dalaman yang mempunyai tekstur, motif dan saiz-saiz tertentu sahaja. Oleh yang demikian, inovasi kepada motif, fungsi dan idea adalah menggabungkan batik sarong dengan jubin. Motif batik sarong akan diaplikasikan di atas permukaan jubin dengan beberapa teknik, mempunyai fungsi yang berlainan dan saiz yang pelbagai.



Gambar 3: Struktur Kain Batik Sarong





Gambar 4: Nama dan falsafah pada struktur kain

Penyelidik telah menggunakan rekaan corak batik sarung ini dalam penghasilan rekaan jubin supaya ia tampak menarik dan dapat mengekalkan identiti sifat batik sarung itu sendiri. Pengolahan motif ini turut menyetengahkan sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan. Ia juga wujud dalam pengamatan dan dianggap kebaikan yang muktamad bagi pembentukan nikmat, keindahan memberi kepuasan terhadap kehendak sifat semulajadi manusia yang terpendam. (Syed Amad Jamal, 1992)

PROSES PEMBUATAN


Langkah pertama untuk menghasilkan reka corak pada jubin seramik adalah dengan memilih reka corak pada motif sarung batik iaitu pada bahagian tertentu (sama ada kepala kain, badan kain atau kaki kain) mengikut konsep rekaan untuk di turis menggunakan mesin turis atau “tracing”. Turisan akan dilakukan di atas kertas “sticker” mengikut motif yang dikehendaki di mana kemudiannya ditampal di atas permukaan jubin. Turisan motif dibahagikan kepada dua iaitu positif dan negatif. Bahagian positif adalah timbul manakala bahagian negatif adalah

tenggelam atau lebih tepat jika disebut akan disingkirkan apabila melalui proses semburan pasir (sandblasting). Maka untuk menimbulkan motif (positif), sticker pada bahagian (negatif) akan dibuka. Seterusnya jubin tersebut dimasukkan ke dalam mesin semburan pasir (sandblasting) untuk menyingkirkan bahagian negatif secara kedalaman yang sederhana agar tidak menembusi jubin tersebut. Selesai melalui proses tersebut, baharulah ia dikeluarkan daripada mesin semburan pasir bagi tujuan proses mewarna. Proses mewarna pula dilakukan semasa sticker tersebut masih lagi lekat pada permukaan jubin tersebut supaya ia lebih kemas. Warna yang digunakan adalah medium basah cth cat akrilik atau cat lain (cat yang tidak luntur) dan boleh juga menggunakan warna semburan “spray”. Di akhir proses jubin tersebut, sticker kemudiannya akan dibuka keseluruhannya sehingga menampakkan motif batik sarung yang jelas pada permukaan jubin. Proses ini dilakukan pada jubin-jubin yang lain untuk mendapatkan konsep rekaan hiasan dalaman khususnya pada dinding.



Gambar 5: Proses pembuatan batik sarung pada permukaan jubin dan konsep rekaan pada hiasan dinding

CARTA ALIRAN PROSES MENJALANKAN EKPERIMEN INI



KESIMPULAN

Setiap kebudayaan mempunyai kandungan keseniannya yang tersendiri. Begitu juga dengan batik sarung Melayu juga mempunyai identitinya yang tersendiri sehingga ada pepatah mengatakan 'tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas'. Jubin berunsurkan batik sarung dilihat sebagai satu inovasi baharu dalam gabungan permukaan sesuatu produk kerana ia menggabungkan elemen seramik dan fabrik. Gabungan ini diharapkan menjadi inspirasi untuk menghasilkan lebih banyak hiasan jubin bagi memperindahkan sesuatu permukaan seni hiasan dalaman. Ia juga mampu memperkenalkan ciri-ciri identiti hasil seni jubin yang baharu dan membuka ruang perspektif baharu dalam penghasilan rekaan jubin yang terkini. Pembaharuan ini memberi kesan baik kepada sektor ekonomi negara dan seterusnya menggalakkan persaingan sihat antara industri.



Gambar 5: Hasil karya akhir yang siapa iaitu jubin yang bermotifkan batik sarung

- Fiona Kerlogue (2004). *The Book Of Batik*. Editions Didier Millet. Singapore.
- Hartini Mohd Nawi.(2013) *Seni Seramik Khazanah Warisan*. Mymetro.
- Marion Elliot. (1997). *The Tile Decorating Book Designing and Hand Painting Tiles-A Practical Guide*. Lorenz Books. London
- Raja Fuziah Raja Tun Uda. (2012). *Batik Malaysia Design & Innovation 1960s-1990s*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia
- Sadatul Mahiran Rosli. (2009). *Seni Seramik Tempatan Bertemu Asia Timur*. Utusan Online.
- Sarah Arney (1987) *Malaysia Batik Creating New Traditions*, The Malaysia Handicraft Development Corporation, Kuala Lumpur.
- Siti Zainon Ismail. (1989). *Percikan Seni*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia
- Syed Ahmad Jamal (2007). *Craft And The Visual Art*. Volume 14, Didier Millet, Singapore.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan Jiwa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia